

**KERAJAAN MALAYSIA**

**BORANG KONTRAK STANDARD BAGI  
MEMBEKAL DAN MENYERAH-HANTAR  
PERALATAN DAN LOJI KEJURUTERAAN**

**BORANG JKR 203E SEMAKAN 10/89**

## SYARAT-SYARAT KONTRAK

### Jadual Kandungan

FASAL	MUKA SURAT
PERKARA-PERKARA PERJANJIAN	1
1. TAKRIF DAN TAFSIRAN	4
(a) Takrif	
(b) "Diluluskan" dan "diarahkan"	
(c) Istilah bilangan tunggal dan jamak	
(d) Tajuk birai atau nota-nota	
2. BIDANG KONTRAK	5
NOTIS	6
4. DOKUMEN KONTRAK	6
(a) Percanggahan	
(b) Jagaan Dokumen Kontrak	
(c) Sekatan tentang penggunaan	
5. GERENTI	7
6. KUALITI DAN PRESTASI	7
7. KEROSAKAN KERANA PEMBUNGKUSAN	8
8. NASIHAT TEKNIKAL	8
9. PEMERIKSAAN SEMASA MENGI LANG DAN UJIAN	8
(a) Agen Pemeriksa yang dilantik oleh Kerajaan	
(b) Akses kepada Agen Pemeriksa	
(c) Tempat untuk ujian	
10. HARGA	9
11. SERAH-HANTARAN DAN PEMBAYARAN	9
(a) Perakuan tentang Kualiti	
(b) Serah-hantaran	
(c) Pembayaran	
(d) Potongan daripada wang yang kena dibayar kepada Kontraktor	

12.	PERUBAHAN DUTI, TARIF, DLL.	11
	(a) Perubahan duti, tarif, dll. (b) Bukti dokumentar (c) Tiada perubahan ke atas keuntungan	
13.	PENYIAPAN PEMBEKALAN DAN SERAH-HANTARAN	11
	(a) Tarikh Penyiapan (b) Kegagalan untuk menyiapkan sebelum Tarikh Penyiapan	
14.	KELAMBATAN MEMBEKAL DAN MENYERAH-HANTAR	12
	(a) Kelambatan membekal dan menyerah-hantar (b) Loji yang tidak terjejas	
15.	GANTIRUGI KERANA KELAMBATAN MEMBEKAL DAN MENYERAH-HANTAR	13
	(a) Gantirugi jumlah tertentu (b) Gagal sama sekali untuk membekal	
16.	BON PERLAKSANAAN	14
	(a) Bon Perlaksanaan (b) Penggunaan (c) Pelepasan Bon Perlaksanaan	
17.	KECEDERAAN DIRI DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA	14
	(a) Kecederaan Diri (b) Kerosakan kepada Harta	
18.	HAK PATEN	15
19.	MENYERAHHAK DAN SUB-SEWA	15
	(a) Penyerahhakkan (b) Sub-sewa	
20.	PENAMATAN PENGAJIAN KONTRAKTOR	16
	(a) Keingkarang oleh Kontraktor (b) Kebangkrutan atau ketaksolvenan (c) Rasuah (d) Kesan penamatan	
21.	KESAN PEPERANGAN, DLL	18
22.	PEMATUHAN KEPADA AKTA KERJA 1955, DLL	19
23.	UNDANG-UNDANG YANG MENGUASAI KONTRAK	19

24.	TIMBANGTARA	19
	(a) Rujukan kepada P.P. untuk sesuatu keputusan	
	(b) Keputusan P.P. hendaklah mengikat sehingga siapnya pembekalan dan serah-hantaran Loji di bawah Kontrak ini	
	(c) Rujukan kepada Timbangtara	
	(d) Rujukan kepada Timbangtara tidak boleh dimulakan sehingga selepas penyiapan pembekalan dan serah-hantaran Loji di bawah Kontrak ini	
	(e) Kuasa Penimbangtara	
	(f) Budibicara Penimbangtara berkenaan kos dan award	
	(g) Award Penimbangtara adalah muktamad	
	(h) Perlantikan Penimbangtara	
	(i) Akta Timbangtara 1952	
25.	DUTI SETEM	21
.	TEKS BAHASA MALAYSIA HENDAKLAH MENGATASI	21

LAMPIRAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK	22
---------------------------------------	----

KONTRAK BAGI MEMBEKAL DAN MENYERAH-HANTAR  
PERALATAN DAN LOJI KEJURUTERAAN

NO. KONTRAK ..... TAHUN 19...

PERBELANJAAN hendaklah dibayar daripada :

Kepala .....  
Pecahan kepala .....  
Tahun .....

**PERKARA-PERKARA PERJANJIAN**

SUATU Kontrak diperbuat pada ..... haribulan ..... 19..... ANTARA Kerajaan<sup>1</sup> ..... yang kemudian dari ini disebut "Kerajaan" sebagai satu pihak dan ..... beralamat (atau pejabat berdaftarnya yang terletak di) ..... kemudian dari ini disebut "Kontraktor", sebagai satu pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Kerajaan berhasrat hendak membeli .....  
.....  
(kemudian dari ini disebut "Loji") dan telah menyebabkan Pelan-pelan dan/atau Spesifikasi yang memperihalkan Loji yang hendak dibekalkan itu disediakan,

DAN BAHAWASANYA Pelan-pelan tersebut bernombor .....  
.....  
(kemudian dari ini disebut "Pelan-pelan Kontrak"), dan Spesifikasi, Borang Tender (termasuk Syarat-syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersamanya) dan Surat Setujuterima Tender telah ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak dalam Kontrak ini.

---

<sup>1</sup> Kerajaan yang menanggung liabiliti itu.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT :

1. Sebagai balasan bagi bayaran yang akan dibuat oleh Kerajaan kepada Kontraktor sepetimana disebut kemudian dari ini, Kontraktor atas dan tertakluk kepada Syarat-syarat Kontrak yang dilampirkan bersama ini menyiapkan pembekalan Loji tersebut dan penyerah-hantaran yang sama ke<sup>2</sup> ..... bebas daripada semua caj yang lain kecuali sebagaimana yang disebut kemudian dari ini.
2. Kerajaan akan membayar kepada Kontraktor sebagai balasan bagi Loji yang dibekalkan, wang berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia ..... (M\$.....) sebagai kos F.O.B./C. & F.<sup>3</sup> Loji tersebut di<sup>2</sup> ..... yang termasuk pemasangan, pengendalian pelabuhan, pemuatan dan pemunggahan di Pelabuhan ..... dan di<sup>2</sup> ..... dan tidak<sup>4</sup> termasuk caj pengangkutan dari Pelabuhan ..... ke<sup>2</sup> ..... kemudian dari ini disebut sebagai Jumlah Harga Kontrak atau apa-apa jumlah lain yang kena dibayar di bawah Kontrak ini.
3. Dalam Kontrak ini perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang masing-masing ditetapkan kepadanya dalam Syarat-syarat Kontrak yang disebut kemudian dari ini.

---

<sup>2</sup> Nyatakan nama dan alamat woksyop/tempat serah-hantaran.

<sup>3</sup> Potong yang mana tidak terpakai.

<sup>4</sup> Potong jika caj-caj pengangkutan termasuk.

PADA MENYAKSIKAN perkara-perkara yang tersebut di atas, pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan di bawah ini tandatangan mereka masing-masing pada hari dan tahun yang pertama tersebut di atas.

Ditandatangani oleh yang tersebut<sup>5</sup>

### Tandatangan Kontraktor

(Nama penuh .....)

(No. K.P. ....)

Atas sifatnya sebagai .....

dihadapan

Nama penuh :.....

No. K.P. ....

Alamat . . . . .

Pekerjaan : . . . . .

Ditandatangani oleh<sup>6</sup>

Untuk dan bagi rihak Kera jaan

### Tandatangan Pegawai

dihadapan

(Nama penuh .....)

Nama penuh ..... .

## Alamat . . . . .

Nama jawatan : . . . . .

**5 Meteri atau Cap Kontraktor.**

**6 Nama jawatan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Kontrak (dalam huruf besar).**

## SYARAT-SYARAT KONTRAK

### 1. Takrif dan Tafsiran.

#### Takrif

- (a) Dalam Kontrak ini (sebagaimana kemudian dari ini ditakrifkan) perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai erti sebagaimana ditetapkan kepadanya kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain :
- (i) "Kontrak" atau "Dokumen Kontrak" ertinya dokumen-dokumen yang menjadi tender dan setujuterima tender termasuk :
- Perkara-perkara Perjanjian,
  - Borang Tender (termasuk Syarat-syarat Membuat Tender yang dilampirkan bersamanya),
  - Surat Setujuterima Tender,
  - Syarat-syarat Kontrak,
  - Peruntukan Khas kepada Syarat-syarat Kontrak untuk .....
  - Spesifikasi,
  - Pelan-pelan.
- (ii) "Kontraktor" ertinya orang atau orang-orang, perkongsian, firma atau syarikat yang tendernya untuk membekal dan menyerah-hantar Loji telah disetujuterima dan telah menandatangani Kontrak ini dan termasuk wakil-wakil peribadinya, pengantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya Kontraktor telah menyerahhak atau membuat sub-sewa menurut Fasal 19 Syarat-syarat ini.
- (iii) "Jumlah Harga Kontrak" ertinya jumlah wang yang dinyatakan dalam Perkara 2 Perkara-perkara Perjanjian.
- (iv) "Loji" ertinya apa jua Peralatan dan Loji yang hendak dibekalkan dan yang sebagaimana diperihalkan dalam Dokumen Kontrak dan termasuk semua atau mana-mana bahagian Peralatan dan Loji itu.

---

<sup>7</sup> Masukkan tajuk-tajuk bagi Peruntukan-peruntukan Khas yang berkenaan yang dimasukkan dalam Kontrak ini.

- (v) Huruf ringkas "P.P." ertinya "Pegawai Pengguna" yang hendaklah<sup>8</sup> ..... dan pengantinya dalam jawatan. Dengan syarat bahawa dalam masa Kontrak ini masih berkuatkuasa mana-mana pengganti dalam jawatan P.P. itu tidak boleh mengenepikan atau menolak apa-apa keputusan, kelulusan atau arahan yang telah diberi kepada Kontraktor secara bertulis oleh pendulunya melainkan jika dia berpuas hati bahawa tindakan itu tidak akan menyebabkan apa-apa kerugian kewangan kepada Kontraktor. Dengan syarat selanjutnya bahawa P.P. boleh memberi kuasa dari semasa ke semasa kepada mana-mana orang atau orang-orang untuk melaksanakan mana-mana atau semua tugas P.P. di bawah Kontrak ini dan P.P. hendaklah memberitahu Kontraktor berkenaan dengan perkara tersebut.
- "Diluluskan" dan "diarahkan"
- Istilah bilangan tunggal dan jamak
- Tajuk birai atau nota-nota
- (b) Istilah "diluluskan" dan "diarahkan" di mana juga terdapat dalam Kontrak ini ertinya diluluskan atau diarahkan secara bertulis oleh P.P. dan "kelulusan" atau "arahan" ertinya kelulusan atau arahan secara bertulis oleh P.P.
- (c) Perkataan-perkataan yang memaksudkan bilangan tunggal adalah juga termasuk jamak dan sebaliknya, jika konteksnya menghendaki sedemikian.
- (d) Tajuk-tajuk birai atau nota-nota dalam Syarat-syarat Kontrak ini hendaklah tidak disifatkan sebagai sebahagian daripadanya atau diambil kira dalam tafsiran atau pengertian Kontrak ini.

## 2. Bidang Kontrak.

Bidang Kontrak

Kontraktor hendaklah menjalankan dan menyiapkan pembekalan dan serah-hantaran Loji mengikut peruntukan-peruntukan Kontrak ini dalam tiap-tiap aspek dan mematuhi arahan dan dengan munasabahnya memuaskan hati P.P.

<sup>8</sup> Nyatakan nama jawatan rasmi pegawai yang bertanggungjawab mentadbirkan Kontrak ini.

3. Notis.

Notis

Kontraktor hendaklah melalui notis secara bertulis, memberitahu P.P. akan alamatnya di mana notis, arahan, saman atau afidavit, dll. di bawah atau berhubungan dengan Kontrak ini boleh disampaikan kepadanya, dan akan apa-apa pertukaran alamatnya itu. Sekiranya Kontraktor tidak memberitahu P.P. akan alamat itu atau akan apa-apa pertukaran alamatnya, notis, arahan, saman atau afidavit dll. hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada Kontraktor jika ia dihantar kepadanya dengan pos berdaftar atau serah-hantaran yang direkodkan ke alamat yang disebut dalam Kontrak ini.

4. Dokumen Kontrak.

Percanggahan

(a) Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan atau pemesongan antara mana-mana dua atau lebih daripada Dokumen Kontrak termasuk percanggahan atau pemesongan antara bahagian-bahagian dalam mana-mana satu daripada dokumen-dokumen itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberi kepada P.P. satu notis bertulis menyatakan percanggahan atau pemesongan itu dan P.P. hendaklah mengeluarkan arahan-arahan yang berkenaan dengannya. Dengan syarat sentiasanya, bahawa percanggahan atau pemesongan tersebut atau apa-apa arahan berhubungan dengannya tidak akan membatalkan Kontrak ini.

Jagaan Dokumen Kontrak

(b) Dokumen Kontrak hendaklah terus berada di dalam jagaan P.P. dan hendaklah dikemukakan sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh Kontraktor. Sebaik sahaja Kontrak ini ditandatangani, P.P. hendaklah memberi dengan percuma kepada Kontraktor satu salinan Dokumen Kontrak yang diperakui benar.

Sekatan tentang penggunaan

(c) Dokumen Kontrak tidak boleh digunakan oleh Kontraktor bagi apa-apa maksud selain daripada Kontrak ini.

5. Gerenti.

Gerenti

Semua Loji yang akan dibekalkan oleh Kontraktor di bawah Kontrak ini hendaklah digerentikan dari kecacatan dalam segi bahan, buatan dan pembungkusan dan pengendalian dan hendaklah mengikut Spesifikasi dan/atau Pelan-pelan Kontrak untuk tempoh atau tempoh-tēmpoh (jika ada) selepas pengeluaran pemberitahuan oleh P.P. berikutan penerimaan Loji sebagaimana disebutkan di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat ini atau jika tidak disebutkan, untuk dua belas (12) bulan. Mana-mana Loji yang didapati cacat sebagaimana yang telah disebutkan hendaklah, atas arahan bertulis oleh P.P., diganti atau dibaiki oleh Kontraktor, di bawah dan tertakluk kepada Syarat-syarat yang sama sebagaimana Loji asal yang cacat itu telah dibekalkan, dengan serta-merta sebaik sahaja arahan daripada P.P. diterima dan atas perbelanjaan Kontraktor sepenuhnya. Sekiranya Kontraktor gagal untuk mengganti atau membaiki mana-mana Loji yang cacat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal ini, P.P. boleh membeli penggantianya daripada pembekal lain dan semua kos yang berkaitan dengannya hendaklah dipotong daripada apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor atau hendaklah didapatkan kembali dari Bon Perlaksanaan atau sebagai suatu wang tuntutan tertentu.

6. Kualiti dan Prestasi.

Kualiti dan  
Prestasi

Di mana sahaja dalam mana-mana Spesifikasi yang menjadi sebahagian daripada Kontrak ini, mana-mana Loji ditetapkan supaya menepati sesuatu Spesifikasi Standard yang ditentukan atau untuk memberi angka prestasi yang tertentu semasa operasi, Kontraktor hendaklah mengemukakan pada masa membekalkan Loji tersebut, perakuan-perakuan yang menunjukkan bahawa ujian-ujian yang perlu telah dijalankan dan bahawa angka-angka yang dinyatakan itu, tertakluk hanya kepada toleransi yang diiktirafkan dan had-had tolakan yang boleh terpakai kepada angka-angka sedemikian, telah dicapai.

7. Kerosakan kerana Pembungkusan.

Kerosakan  
kerana  
pembungkusan

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa kerosakan kepada mana-mana Loji, yang disebabkan oleh pembungkusan yang cacat atau yang tak memadai, dan hendaklah memperbaiki kerosakan itu, dan sekiranya gagal berbuat demikian, semua kos yang ditanggung oleh P.P. dalam memperbaiki kerosakan yang sama hendaklah didapatkan kembali daripada Kontraktor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 5 Syarat-syarat ini.

8. Nasihat Teknikal.

Nasihat  
Teknikal

Kontraktor hendaklah memberi nasihat teknikal mengenai pemasangan dan penyelenggaraan Loji di bawah Kontrak ini, dan semua nasihat sedemikian yang boleh diberi melalui persuratan, atau tanpa membuat pemeriksaan khas ke atas Loji itu, hendaklah diberi tanpa caj kepada Kerajaan.

9. Pemeriksaan semasa Mengilang dan Ujian.

Agen Pemeriksa  
yang dilantik  
oleh Kerajaan

(a) Kerajaan boleh mengikut budi bicaranya, melantik seorang Agen Pemeriksa untuk memeriksa dan meluluskan kualiti dan standard bahan-bahan semasa mengilang dan dia akan memperakukan kesesuaian yang sewajarnya bagi semua bahan sebagai satu pra syarat sebelum pembayaran. Perakuan Agen Pemeriksa tidak dengan cara mana sekalipun melepaskan Kontraktor daripada obligasinya di bawah Kontrak ini.

Akses kepada  
Agen Pemeriksa

(b) Kontraktor hendaklah memberi akses kepada Agen Pemeriksa dan memberikannya segala bantuan dalam memeriksa dan menguji semua atau mana-mana bahan dan/atau Loji yang akan dibekalkan.

Tempat  
untuk Ujian

(c) Pemeriksaan dan ujian hendaklah dijalankan di tempat mengilang yang bukannya Kawasan Lindungan mengikut maksud peraturan keselamatan Kerajaan negara pengilang.

10. Harga.

Harga

Tertakluk kepada Fasal 12, kadar harga atau harga unit yang diletakkan oleh Kontraktor dalam Kontrak hendaklah dalam mata wang Ringgit Malaysia dan hendaklah disifatkan termasuk kos bagi semua bahan, tenaga buruh, Loji, alat, cukai, duti, tarif, penyeliaan, caj overhead, keuntungan dan segala perkara lain yang perlu untuk pelaksanaan dan cara pengendalian yang dikehendakki bagi membekal dan menyerah-hantar Loji melainkan dengan khususnya di kecualikan di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Kontrak ini.

11. Serah-hantaran dan Pembayaran.

Perakuan tentang Kualiti.

(a) Kontraktor hendaklah membekali dengan tiap-tiap konsainan Loji yang diserah-hantar, satu perakuan yang bermaksud bahawa kualiti Loji yang diserah-hantar itu tidak lebih rendah daripada sampel yang berdasaskannya Kontrak diawardkan atau daripada kualiti yang ditetapkan dalam Spesifikasi tender, menurut yang mana berkenaan. Pembayaran tidak akan dibuat bagi mana-mana konsainan Loji yang diserah-hantar yang tidak disertakan dengan perakuan sedemikian.

Serah-hantaran

(b) Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk menyerah-hantar Loji yang akan dibekalkan di bawah Kontrak ini sehingga ke tempat serah-hantaran sebagaimana yang disebut dalam Perkara-perkara Perjanjian. Kontraktor hendaklah memberitahu P.P. secara bertulis akan Serah-hantaran itu, membekali perakuan tentang kualiti sebagaimana yang dikehendaki di bawah subfasal 11(a) Syarat-syarat ini dan menyerahkan Loji itu dan mendapatkan satu resit berkenaan dengannya daripada P.P. Pengeluaran resit sedemikian tidak melepaskan Kontraktor daripada tanggungjawabnya menggantikan Loji yang cacat atau rosak di bawah Fasal-fasal 5 dan 7 Syarat-syarat ini.

Pembayaran

(c) Dalam tempoh beberapa hari, sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran kepada Syarat-syarat ini (atau jika tidak dinyatakan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari) selepas serah-hantaran mana-mana Loji yang dipesan di bawah Kontrak ini dan atas penyampaian oleh Kontraktor akan bilnya, perakuananya tentang kualiti dan Perakuan Agen Pemeriksa yang dirujukkan dalam Fasal 9 Syarat-syarat ini (sekiranya mana-mana Agen yang tersebut dilantik) dan resit P.P. yang disebutkan terdahulu, Kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada Kontraktor nilai yang penuh bagi Loji yang telah diserah-hantar itu, dengan syarat bahawa bayaran hendaklah tidak dianggap sebagai bukti konklusif bagi kualiti mana-mana Loji yang bersabit dengannya pembayaran tersebut dibuat dan juga ianya tidak melepaskan Kontraktor daripada tanggungjawabnya di bawah Fasal-fasal 5 dan 7 Syarat-syarat ini.

Potongan  
daripada wang  
yang kena di  
bayar kepada  
Kontraktor

(d) Kerajaan atau P.P. bagi pihaknya adalah berhak untuk memotong apa-apa yang diperakukan oleh P.P. sebagai wang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh Kontraktor yang disebabkan oleh apa-apa keingkaran atau kemungkiran Kontrak ini oleh Kontraktor, daripada mana-mana jumlah wang yang genap masanya dibayar atau kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Kontrak ini atau mana-mana Kontrak lain yang Kerajaan dan Kontraktor menjadi pihak. Dalam membuat apa-apa pembayaran di bawah Fasal ini, Kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada apa-apa jumlah wang sedemikian yang boleh dicajkan terhadap Kontraktor, dengan syarat sentiasanya bahawa peruntukan ini tidak menjejas apa-apa remedi lain yang kepadanya Kerajaan adalah berhak untuk mendapatkan kembali jumlah wang itu.

12. Perubahan Duti, Tarif, dll.

Perubahan duti  
tarif, dll.

- (a) Jika pada bila-bila masa selepas tarikh setujuterima tender Kontraktor bagi Kontrak ini, terdaat apa-apa kenaikan atau penurunan apa-apa cukai, duti, tarif, yang sedia ada atau jika ada tambahan apa-apa cukai, duti, tarif, surcaj atau seumpamanya, yang dikenakan di bawah obligasi statutori, maka atas suatu permohonan bertulis oleh Kontraktor kepada Kerajaan atau P.P., atau sebaliknya, apa-apa perubahan yang disebabkan olehnya ke atas harga mana-mana Loji yang akan dibekalkan di bawah Kontrak ini, hendaklah dilaraskan dengan cara menaikkan atau menurunkan harga, mengikut mana yang berkenaan dan Jumlah Harga Kontrak hendaklah dilaraskan dengan sewajarnya.

Bukti  
dokumentar

- (b) Walau apa pun peruntukan dalam subfasal 12(a) Syarat-syarat ini, Kontraktor hendaklah, apabila dikehendaki oleh P.P., mengemukakan bukti dokumentar bagi menyokong apa-apa tuntutan yang boleh dibuat berkenaan dengan apa-apa hal-keadaan yang dirujukkan di dalam subfasal 12(a) tersebut.

Tiada perubahan  
ke atas  
keuntungan

- (c) Tambahan kepada atau potongan daripada kadar harga atau harga yang ditenderkan oleh Kontraktor, yang dibuat menurut Fasal ini hendaklah dengan apa-apa cara pun tidak mengubahkan amaun keuntungan Kontraktor yang termasuk dalam mana-mana kadar harga atau harga itu.

13. Penyiapan pembekalan dan serah-hantaran.

Tarikh  
penyiapan.

- (a) Pembekalan dan serah-hantaran semua Loji di bawah Kontrak ini hendaklah disiapkan pada atau sebelum Tarikh Penyiapan yang dinyatakan dalam Syarat-syarat ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang disediakan bagi pelanjutan masa, yang diperuntukkan kemudian daripada ini.

Kegagalan untuk  
menyiapkan  
sebelum Tarikh  
Penyiapan.

(b) Sekiranya Kontraktor gagal untuk menyiapkan pembekalan dan serah-hantaran mana-mana Loji di bawah Kontrak ini pada atau sebelum Tarikh Penyiapan atau pada bila-bila masa yang dilanjutkan sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini kecuali dalam hal keadaan diperuntukkan dalam Fasal 21 Syarat-syarat ini, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah Kontrak ini, P.P. adalah berhak untuk membatalkan tanpa pampasan semua atau mana-mana Loji tersebut yang tidak diserah-hantarkan di bawah Kontrak ini dan mendapatkan Loji sedemikian dari sumber-sumber lain. Sekiranya kos mana-mana Loji yang didapatkan dari sumber lain itu lebih daripada yang diperuntukkan baginya dalam harga Kontraktor, perbezaan kos ini hendaklah dipotong daripada apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya kena dibayar kepada Kontraktor atau didapatkan kembali oleh Kerajaan sebagai suatu tuntutan wang tertentu.

14. Kelambatan membekal dan menyerah-hantar.

Kelambatan  
membekal dan  
menyerah-  
hantar.

(a) Apabila didapati dengan munasabahnya jelas bahawa pembekalan dan serah-hantaran mana-mana Loji yang dipesan di bawah Kontrak ini mungkin terlambat atau apabila pembekalan dan serah-hantaran Loji itu terlambat, Kontraktor hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelambatan atau kemungkinan kelambatan kepada P.P. dan jika pada pendapat P.P. pembekalan dan serah-hantaran mana-mana Loji sedemikian mungkin atau telah terlambat disebabkan oleh mana-mana hal keadaan yang berikut, iaitu :

- (i) force majeure, atau
- (ii) rusuhan, kegemparan awam, mogok, sekemasuk, atau kekacauan lain di kalangan buruh, yang menjelaskan pembekalan dan serah-hantaran Loji itu, yang bukan disebabkan oleh apa-apa perbuatan, kecualian atau keingkaran yang tak berpatutan dari pihak Kontraktor, atau
- (iii) kebakaran, atau
- (iv) peperangan, atau

- (v) bencana di laut, atau
- (vi) kelambatan dalam transit, yang bukan disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau keingkaran dari pihak Kontraktor, atau
- (vii) sebab atau bencana lain yang secara material menjasakan pembekalan dan serah-hantaran Loji itu dan di luar kawalan Kontraktor,

maka dalam mana-mana hal sedemikian, P.P. boleh memberikan suatu lanjutan masa yang adil dan berpatutan. Dengan syarat sentiasanya bahawa Kontraktor hendaklah melakukan semua yang semunasabahnya perlu bagi mengurangkan kelambatan itu.

Loji yang tidak terjejas.

- (b) Peruntukan-peruntukan Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa mengenai mana-mana Loji yang tidak terjejas oleh apa-apa hal-keadaan yang tersebut di bawah subfasal (a) Fasal ini.

15. Gantirugi kerana kelambatan membekal dan menyerah-hantar.

Gantirugi jumlah tertentu.

- (a) Sekiranya Kontraktor gagal untuk menyiapkan pembekalan dan serah-hantaran Loji dalam jangka masa satu (1) bulan dari Tarikh Penyiapan yang ditetapkan atau dari masa yang dilanjutkan di bawah Fasal 14 Syarat-syarat ini, Kontraktor hendaklah membayar kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar satu per tiga-puluh peratus (1/30%) daripada jumlah harga yang ditenderkan bagi Loji yang tidak diserah-hantar bagi tiap-tiap satu hari kelambatan pembekalan dan serah-hantaran itu sebagai ganti rugi jumlah tertentu sehingga Tarikh Penyiapan pembekalan dan serah-hantaran Loji itu.

Gagal sama sekali untuk membekal.

- (b) Jika Kontraktor berulang kali gagal untuk membekal dan menyerah-hantar mana-mana Loji yang dipesan di bawah Kontrak ini P.P. adalah berhak untuk mengambil tindakan di bawah Fasal 20 Syarat-syarat ini.

16. Bon Perlaksanaan.

Bon  
Perlaksanaan

- (a) Kontraktor hendaklah, sebelum menandatangani Kontrak ini, mendepositkan dengan Kerajaan Draf Bank atau suatu Gerenti Bank/Gerenti Insurans\* yang diluluskan yang senilai dengan dua setengah peratus (2 1/2%)/lima peratus (5%)\* daripada Jumlah Harga Kontrak (kemudian dari ini disebut sebagai "Bon Perlaksanaan") untuk pematuhan dan pelaksanaan yang wajar bagi Kontrak ini.

Penggunaan.

- (b) Jika Kontraktor tidak melaksanakan Kontrak ini atau melakukan apa-apa kemungkinan terhadap obligasinya di bawah Kontrak ini, Kerajaan adalah berhak untuk menggunakan atau membuat pembayaran atau potongan daripada Bon Perlaksanaan mengikut terma-terma Kontrak ini.

Pelepasan Bon  
Perlaksanaan

- (c) Bon Perlaksanaan atau apa-apa bakinya yang masih ada untuk kredit Kontraktor bolehlah dilepaskan atau dipulangkan selepas penyiapan pengantian atau pemberian yang memuaskan bagi mana-mana Loji yang cacat.

17. Kecederaan Diri dan Kerosakan kepada Harta.

Kecederaan  
Diri.

- (a) Kontraktor hendaklah bertanggungan atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding-prosiding sama ada yang berbangkit di bawah common law atau menurut statut berkenaan dengan kecederaan diri atau kematian seseorang yang berbangkit daripada atau semasa atau disebabkan oleh pelaksanaan Kontrak ini melainkan disebabkan oleh kecuaian pihak Kerajaan atau pengkhidmat-pengkhidmatnya.

---

\*Potong yang mana tidak terpakai

Kerosakan  
kepada Harta

(b) Kontraktor hendaklah bertanggungan atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding-prosiding dan bagi apa-apa kecederaan atau kerosakan apa-apa pun yang berbangkit daripada atau semasa atau disebabkan oleh pelaksanaan Kontrak ini kepada mana-mana harta, sama ada harta tanah atau harta diri, yang disebabkan oleh apa-apa kecuaian, peninggalan atau keingkaran oleh dirinya sendiri, agen-agennya atau pengkhidmat-pengkhidmatnya atau mana-mana subkontraktor atau disebabkan oleh apa-apa hal-keadaan di dalam kawalannya.

18 Hak Paten.

Hak Paten.

Kontraktor hendaklah bertanggungan atas dan menanggung rugi Kerajaan dari segala tuntutan dan prosiding bagi atau oleh sebab pelanggaran terhadap apa-apa hak paten, rekabentuk, tanda niaga atau nama dagangan atau hak-hak lain yang terlindung mengenai mana-mana Loji yang dibekalkan oleh Kontraktor di bawah Kontrak ini, dan terhadap segala tuntutan, desakan, prosiding, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan mengenai atau yang berhubungan dengannya. Dengan syarat sentiasanya bahawa penggantian rugi sedemikian tidaklah terpakai bagi apa-apa pelanggaran yang disebabkan oleh Kontraktor yang telah mengikut sesuatu rekabentuk atau arahan yang disediakan atau diberikan oleh P.P.

19. Menyerahhak dan Sub-sewa.

Penyerahhakkan

(a) Kontraktor tidak boleh memindah atau menyerahhak Kontrak ini atau mana-mana bahagian atau syer Kontrak ini, atau apa-apa faedah atau kepentingan dalamnya atau di bawahnya. Walau bagaimanapun, Kontraktor boleh menyerahhak apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya kena dibayar di bawah Kontrak ini bagi faedah banker Kontraktor atau mana-mana institusi atau perbadanan kewangan dengan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan.

Sub-sewa.

- (b) Kontraktor tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada P.P. membuat sub-sewa semua atau mana-mana bahagian Kontrak ini, dengan syarat bahawa keizinan tersebut hendaklah jangan ditahan dengan tidak munasabahnya yang akan menjelaskan Kontraktor. Sekiranya keizinan sedemikian diberi, Kontraktor tidaklah terlepas dari apa-apa liabiliti atau obligasi di bawah Kontrak ini dan dia hendaklah bertanggungjawab sendiri dan sepenuhnya atas pematuhan yang wajar oleh sub-kontraktor berkenaan akan semua terma, penetapan dan Syarat-syarat di bawah Kontrak ini.

20. Penamatan Penggajian Kontraktor.

Keingkaran  
cieh Kontraktor

- (a) Tanpa menjelaskan apa-apa hak atau remedii lain yang di punyai oleh Kerajaan, jika Kontraktor melakukan keingkaran dalam satu atau lebih daripada perkara-perkara yang berikut, iaitu :
- (i) jika dia berulangkali gagal membekal dan menyerah-hantar mana-mana Loji yang telah dipesankan di bawah Kontrak ini ;
  - (ii) jika dia enggan atau berulangkali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada P.P. mengikut Fasal 5 untuk membuang atau mengganti mana-mana Loji yang di dapati rosak, cacat atau dalam apa juga segi lebih rendah mutunya daripada sampel yang diluluskan atau tidak mengikut Kontrak ini;
  - (iii) jika dia gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Fasal 19 Syarat-syarat ini , maka P.P boleh memberi kepadanya suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantaran yang direkodkan menyatakan keingkaran itu, dan jika Kontraktor sama ada meneruskan keingkaran itu selama 14 hari selepas penerimaan notis itu atau telah pada bila-bila masa selepas itu mengulangi keingkaran itu, maka Kerajaan boleh dengan demikian itu melalui suatu notis yang dihantarkan dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantaran yang direkodkan, menamatkan penggajian Kontraktor di bawah Kontrak ini.

Kebankrapan atau ketaksolvenan.

20 (b) Jika Kontraktor :

- (i) melakukan suatu perbuatan kebankrapan; atau
- (ii) menjadi taksolen, atau berkompaun atau membuat penyelesaian dengan pemutang-pemutangnya; atau
- (iii) sebagai suatu syarikat, ia menghadapi suatu perintah penggulungan yang dibuat terhadapnya; atau
- (iv) mempunyai seorang likuidator, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya, atau menyerahkan pemilikan supaya diambil oleh bagi pihak pemutang-pemutang atau pemegang-pemegang debentur bercagar dengan gadaian terapung akan apa-apa harta yang terkandung dalam atau tertakluk kepada gadaian terapung tersebut,

maka Kerajaan boleh, tanpa menjaskan apa-apa hak atau remedи-remedi lain yang ada padanya, melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau serah-hantaran yang direkodkan, menamatkan penggajian Kontraktor di bawah Kontrak ini.

Rasuah

20 (c) Jika pada bila-bila masa selepas tender Kontraktor bagi Kontrak ini disetujuterima, Kontraktor didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta Mencegah Rasuah 1961 (atau apa-apa undang-undang lain yang meminda atau menggantikan undang-undang sedemikian) atau suatu kesalahan yang seumpamanya di bawah apa-apa undang-undang yang pada masa ini sedang berkuatkuasa, Kerajaan boleh tanpa pampasan melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau serah-hantaran yang direkodkan, menamatkan penggajian Kontraktor di bawah Kontrak ini.

Kesan  
penamatan

(d) Sekiranya penggajian Kontraktor ditamatkan di bawah subfasal (a), (b) atau (c), Kerajaan boleh, tanpa menjelaskan apa-apa hak atau remedi lain yang ada padanya, mendapatkan Loji yang diperihalkan di bawah Kontrak ini termasuk apa-apa Loji yang telah dipesangkan sebelum penamatan penggajian Kontraktor tetapi belum lagi dibekalkan, dari sumber-sumber lain dan semua pertambahan kos, perbelanjaan, caj, sewa, tuntutan, onkos, atau apa-apa kerugian langsung atau ganti rosak yang ditanggung untuknya, hendaklah dipotong daripada apa-apa wang yang kena dibayar atau genap masanya kena dibayar kepada Kontraktor di bawah Kontrak ini, atau hendaklah didapatkan kembali sebagai suatu tuntutan wang yang tertentu. Pertambahan kos, perbelanjaan, dll. sebagaimana yang tersebut itu hendaklah terhad kepada :

- (i) kuantiti-kuantiti sebanyak mana yang dibeli dari sumber-sumber lain di bawah subfasal ini; atau
- (ii) jumlah kuantiti Loji sebagaimana yang disebutkan dalam Kontrak setelah ditolak apa-apa kuantiti yang dibekalkan sebelum penamatan penggajian Kontraktor,

mengikut mana yang terkurang.

#### 21. Kesan Peperangan, dll.

Kesan  
peperangan  
dll.

Jika dalam tempoh Kontrak ini berbangkit atau wujudnya suatu keadaan peperangan dalam mana Kerajaan adalah terlibat atau apa-apa kejadian yang di luar kawalan kedua-dua pihak, seperti suatu keadaan rusuhan, kegemparan awam, pemogokan umum, gempa bumi, banjir atau ribut taufan, yang menyebabkan tidak mungkin terlaksananya Kontrak ini, apa-apa persoalan berhubungan dengan penerusan, penggantungan atau penamatan Kontrak ini hendaklah diselesaikan secara persetujuan bersama antara Kerajaan dan Kontraktor, atau jika tiada tercapai persetujuan ianya hendaklah diselesaikan melalui Timbangtara sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal 24 Syarat-syarat ini.

22. Pematuhan kepada Akta Kerja 1955, d11.

Pematuhan  
kepada Akta  
Kerja 1955,  
d11

Kontraktor hendaklah, dalam hal pengambilan kerja pekerja-pekerja bagi melaksanakan Kontrak ini, mematuhi semua kehendak Akta Kerja 1955, Akta Kerja (Sekatan) 1968, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan mana-mana undang-undang lain berhubungan dengan pengambilan kerja pekerja-pekerja, atau apa-apa ubahsuaian atau pengkanunan semula kemudiannya undang-undang itu.

23. Undang-undang yang Menguasai Kontrak.

Undang-undang  
yang menguasai  
Kontrak.

Kontrak ini hendaklah dalam semua aspek ditafsirkan dan dikendalikan sebagai satu Kontrak Malaysia dan ditafsirkan mengikut dan dikuasai oleh undang-undang Malaysia termasuk mana-mana undang-undang yang telah diluluskan atau dibuat atau yang mula berkuatkuasa semasa tempoh Kontrak ini. Mahkamah-mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan menentukan semua tindakan dan prosiding yang berbangkit daripada Kontrak ini dan Kontraktor adalah dengan ini tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia bagi maksud-maksud apa-apa tindakan atau prosiding-prosiding tersebut.

24. Timbangtara.

Rujukan kepada  
P.P. untuk  
sesuatu  
keputusan.

(a) Jika apa-apa pertikaian atau perselisihan berbangkit antara Kerajaan dengan Kontraktor, sama ada dalam masa pelaksanaan atau selepas penyiapan pembekalan dan serah-hantaran Loji di bawah Kontrak ini, atau selepas penamatkan penggajian Kontraktor, atau berlaku kemungkirian Kontrak ini, mengenai :

- (i) pentafsiran Kontrak ini, atau
- (ii) apa-apa hal atau perkara dalam apa jua bentuknya yang berbangkit di bawah Kontrak ini, atau
- (iii) penahanan oleh P.P. akan sesuatu perakuan yang kepadanya Kontraktor mendakwa berhak mendapatkan,

maka pertikaian atau perselisihan itu hendaklah dirujukkan kepada P.P. untuk mendapatkan sesuatu keputusan.

Keputusan P.P.  
hendaklah  
mengikat  
sehingga  
siapnya  
pembekalan dan  
serah-hantaran  
Loji di bawah  
Kontrak ini.

Rujukan kepada  
Timbangtara.

Rujukan kepada  
Timbangtara  
tidak boleh  
dimulakan  
sehingga  
selepas  
persiapan  
pembekalan dan  
serah-hantaran  
Loji di bawah  
Kontrak ini.

Kuasa  
Penimbangtara.

- (b) Keputusan P.P yang hendaklah secara bertulis, tertakluk kepada subfasal (e) Syarat ini adalah mengikatkan pihak-pihak kepada Kontrak sehingga pembekalan dan serah-hantaran Loji di bawah Kontrak ini siap dan hendaklah dengan serta merta dilaksanakan oleh Kontraktor yang hendaklah meneruskan pembekalan dan serah-hantaran Loji itu dengan segala usaha yang wajar sama ada notis takpuas hati di beri olehnya atau tidak menurut subfasal (c) Fasal ini.
- (c) Jika P.P. tidak memberi keputusan dalam tempoh empat puluh lima (45) hari setelah diminta berbuat demikian oleh Kontraktor atau jika Kontraktor takpuas hati dengan mana-mana keputusan P.P., maka dalam sesuatu hal sedemikian itu Kontraktor boleh, dalam tempoh empat puluh lima (45) hari selepas tamatnya empat puluh lima (45) hari selepas dia membuat permintaannya kepada P.P. atau empat puluh lima (45) hari selepas menerima keputusan daripada P.P., mengikut mana yang berkenaan, menghendaki supaya pertikaian atau perselisihan itu dirujuk kepada seseorang yang dipersetujui di antara pihak-pihak kepada Kontrak untuk bertindak sebagai Penimbangtara. Timbangtara itu hendaklah diadakan di Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur, dengan menggunakan kemudahan dan bantuan yang sedia ada di Pusat tersebut.
- (d) Rujukan itu, kecuali mengenai apa-apa perselisihan atau pertikaian di bawah Fasal 21 Syarat-syarat ini, tidak boleh dimulakan hingga selepas persiapan atau dikatakan sebagai persiapan pembekalan dan serah-hantaran Loji di bawah Kontrak ini atau penamatan atau dikatakan sebagai penamatan penggajian Kontraktor di bawah Kontrak ini, atau peninggalan pembekalan dan serah-hantaran Loji melainkan dengan persetujuan bertulis Kerajaan dan Kontraktor.
- (e) Penimbangtara adalah mempunyai kuasa untuk mengkaji dan menyemak mana-mana perakuan, pendapat, keputusan, permintaan atau notis dan untuk menentukan semua perkara yang menjadi pertikaian yang mana hendaklah diserahkan kepadanya, dan mengenainya notis telah diberi mengikut subfasal (c) tersebut di atas, dengan cara yang sama, seolah-olah tiada apa-apa perakuan, pendapat, keputusan, permintaan atau notis tersebut telah diberi.

Budi bicara Penimbangtara berkenaan kos dan award.

(f) Berkenaan dengan tiap-tiap atau rujukan seperti itu, kos untuk rujukan atau award dan apa-apa yang bersampingan dengannya itu hendaklah diberi menurut budi bicara Penimbangtara dan Penimbangtara boleh menentukan amaunnya, atau mengarahkan supaya amaun itu dikenakan cukai mengikut kadar antara peguamcara dan pelanggan atau mengikut kadar suatu pihak guaman dengan suatu pihak guaman yang lain, dan hendaklah mengarahkan oleh siapa dan kepada siapa dan bagaimana caranya amaun itu hendak dipertanggungkan dan dibayar.

Award Penimbangtara adalah muktamad.

(g) Award yang diberi oleh Penimbangtara itu adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.

Perlantikan Penimbangtara.

(h) Dalam hal sekiranya Penimbangtara itu mati atau dia tidak sanggup atau tidak berupaya bertindak, maka Kerajaan dan Kontraktor atas persetujuan bersama hendaklah melantik orang lain untuk bertindak sebagai Penimbangtara, dan dalam hal sekiranya Kerajaan dan Kontraktor tidak mencapai persetujuan atas perlantikan Penimbangtara berkenaan, seorang Penimbangtara hendaklah dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur.

Akta Timbangtara 1952.

(i) Dalam Fasal ini, "rujukan" hendaklah disifatkan sebagai rujukan kepada timbangtara dalam erti Akta Timbangtara 1952 (Semakan-1972).

## 25. Duti Setem

Duti Setem

Duti setem yang sewajarnya, jika ada, bagi Kontrak ini hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.

## 26. Teks Bahasa Malaysia hendaklah Mengatasi.

Teks Bahasa Malaysia hendaklah mengatasi.

Kontrak ini hendaklah disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, kedua-dua teks adalah sama sahnya. Jika terdapat apa-apa perkara yang tak konsisten dalam mana-mana teks itu, maka teks Bahasa Malaysia hendaklah mengatasi.

## LAMPIRAN

Fasal

5

Loji dan tempoh-tempoh selama mana Loji itu digerentikan (jika tiada dinyatakan, adalah dua belas(12) bulan)

Fasal

11(c)

Tempoh selepas serah-hantaran untuk membuat pembayaran (jika tiada dinyatakan, adalah tiga puluh (30) hari).

13(a)

Tarikh Penyiapan.